

**‘KOLLOUM’ DALAM PERUBAHAN SOSIO BUDAYA MASYARAKAT INDIA DI
MALAYSIA**

SANTHI A/P LETCHUMANAN

**FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2013



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اونيورسيتي فنديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

UNIVERSITI PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

FAKULTI SENI, KOMPUTERAN
DAN INDUSTRI KREATIF

Pengakuan Keaslian Penulisan

Nama Pelajar : Santhi A/P Letchumanan..

No. Pendaftaran : M20101000359

Nama Ijazah : Ijazah Sarjana Pendidikan Seni

Bidang Pengkhususan : Pendidikan Seni

Tajuk Projek : Kajian 'Kolloum' Dalam Perubahan Sosio Budaya Masyarakat
India di Malaysia

Saya sahkan bahawa segala bahan yang terkandung dalam projek ini adalah hasil usaha saya sendiri. Sekiranya terdapat hasil kerja orang lain atau pihak lain sama ada diterbitkan atau tidak (seperti buku, artikel, kertas kerja, atau bahan dalam bentuk yang lain seperti rakaman audio dan video, penerbitan elektronik atau internet) yang telah digunakan, saya telah pun merakamkan pengiktirafan terhadap sumbangan mereka melalui konvensyen akademik yang bersesuaian. Saya juga mengakui bahawa bahan yang terkandung dalam projek ini belum lagi diterbitkan atau diserahkan untuk program atau ijazah lain di mana-mana universiti.

Tandatangan :

Tarikh : 08 Disember 2013

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan kerana dengan limpah kurniaNya telah memberi kekuatan mental dan fizikal sehingga saya berjaya menyempurnakan laporan untuk kertas projek ini bagi memenuhi keperluan kursus Sarjana Pendidikan Seni. Penghargaan dan terima kasih kepada Puan penyelia selaku pensyarah bimbingan, PN. INTAN KHASUMARLINA BT MOHD KHALID kerana keikhlasan dan kesediaan beliau memberi nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar sehingga laporan kajian lapangan dan kertas projek ini dapat diselesaikan. Kepada semua pensyarah Fakulti Seni Komputeran dan Industri kreatif, (FSKIK) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris, terima kasih di atas kerjasama yang diberikan.

Seterusnya, tidak ketinggalan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada ahli keluarga dan penduduk di beberapa buah kampung di Bandar Sitiawan kerana banyak membantu memberi kerjasama dan memberikan sumbangan tenaga dan masa semasa menjalankan kajian lapangan di Sitiawan serta buat rakan-rakan seperjuangan, terima kasih atas bantuan dan tunjuk ajar yang diberikan.

Terima kasih.

KANDUNGAN

		Muka Surat
	PENGHARGAAN	iii
	JADUAL KANDUNGAN	iv
	SENARAI RAJAH	vii
	SENARAI JADUAL	ix
	SENARAI LAMPIRAN	ix
	ABSTRAK	x
BAB 1		
	Pengenalan	1
1.1	Latar belakang	1
1.2	Permasalahan Kajian	8
1.3	Objektif Kajian	19
1.4	Persoalan Kajian	20
1.5	Kepentingan Kajian	21
1.6	Fokus Kajian	23
1.7	Kerangka Teori	27
1.8	Istilah Konsep	32
1.8.1	Nilai	32
1.8.2	Keperluan	33
1.8.3	Pengetahuan	35
1.8.4	Identiti	35
1.8.5	Tradisi	36
1.9	Kesimpulan	37
BAB 2		
	Pengenalan	
2.1	Masyarakat Kaum India	39
2.2	Masyarakat India Tradisi	42
2.3	Masyarakat India di Malaysia (Abad Ke- 21)	43

2.4	Melukis 'kolloum' di negara India	44
2.4.1	Contoh-Contoh Gambar 'kolloum' Di Wilayah Yang Berlainan Di India	52
2.4.2	'Kolloum' Di Negara Malaysia	60
2.4.2.1	Tatacara Membuat 'Kolloum' Mengikut Klasifikasi	60
2.4.2.2	Motif dan Garisan Dalam Kesenian 'Kolloum'	67
2.4.2.2.1	Garisan Membentuk 'Kolloum'	69
2.4.2.2.2	Bulatan Membentuk 'Kolloum'	71
2.4.2.2.3	Motif Binatang Membentuk 'Kolloum'	71
2.4.2.2.4	Motif Burung Membentuk 'Kolloum'	74
2.4.2.2.5	Motif Flora dan Tumbuh-Tumbhan Membentuk 'Kolloum'	77
2.4.2.2.6	Corak Menjalar dan Tumbuhan	80
2.4.2.2.7	Simbol Bertuah	81
2.4.2.3	Pemilihan Warna Dalam 'Kolloum'	83
2.4.2.4	Simbolisme Kesenian 'Kolloum'	84
2.4.2.5	Falsafah Pembentukan Kesenian 'Kolloum'	86
2.4.2.6	Fungsi 'Kesenian 'Kolloum'	90
2.4.2.7	Bentuk Kesenian 'Kolloum'	90
2.4.2.8	Penggunaan Kaedah Moden Dalam 'Kolloum'	92
2.5	Rumusan	95
BAB 3		
	Pengenalan	97
3.1	Metodologi Kajian	97
3.2	Perancangan Kajian	98
3.3	Pendekatan Kajian	99
3.4	Reka Bentu Kajian	101
3.5	Pengumpulan Data Primer dan Data Sekunder	102
3.6	Teknik Pengumpulan Data	105
3.6.1	Temu Bual	105

3.6.2	Bahan Visual	109
3.6.3	Pemerhatian	109
3.6.4	Dokumentasi Lapangan	110
3.6.5	Rakaman Gambar	111
3.7	Kod Data	112
3.7.1	Contoh Pengkodan Data Temu Bual dan Pemerhatian	113
3.8	Matrik Pengumpulan Data	113
3.9	Analisis Data	115
3.10	Kaedah Validiti Data	118
3.11	Rumusan	118

BAB 4

	Pengenalan	
4.1	Carta Dapatan Kajian	120
4.2	Hasil Dapatan yang Diperolehi dari kajian	128
4.3	Motif Penghasilan 'kolloum' Tradisional	130
4.3.1	Motif	130
4.3.2	Langkah-Langkah Proses Penyediaan Bahan 'kolloum'	141
4.3.3	Langkah-Langkah Melukis 'Kolloum' Tradisional	143
4.3.4	Tatacara Sebelum Penghasilan 'Kolloum' Tradisional	145
4.4	Aspek Nilai Mempengaruhi Penghasilan 'Kolloum' Tradisional	146
4.5	Pengaruh Mempengaruhi Perubahan Seni 'Kolloum' Tradisional	148
4.6	Keperluan	153
4.7	Bahan dan Peralatan Dalam Penghasilan 'Kolloum' Tradisional di Bandar Sitiawan	158
4.7.1	Bahan Dalam Penghasilan 'Kolloum' Tradisional	158

4.7.2	Peralatan Dalam Penghasilan 'Kolloum' Tradisional	159
4.8	Kesimpulan	161

BAB 5

	Pengenalan	
5.1	Kesimpulan	162
5.2	Cadangan	164

RUJUKAN

167

LAMPIRAN

175

SENARAI RAJAH

1.1	Peta kedudukan Bandar Sitiawan	24
1.2	Kerangka Teori Budaya Geertz 1974	27
1.3	Model Apresiasi Oleh E.B.Feldman (1992).	31
2.1	Indians In Malaya: Some Aspects Of Their Immigration and Settlement (1786-1957)	41
2.2	Penggunaan istilah yang berlainan untuk mengenali 'kolloum' di Negara India.	51
2.3	Jenis-jenis 'kolloum' di India	53
2.4	Jenis-jenis 'kolloum' di India	54
2.5	Jenis-jenis 'kolloum' di India	55
2.6	'Pulli' 'kolloum'	62
2.7	Penggunaan matrix dalam melukis 'pulli kolloum'	63
2.8	'Kambi kolloum'	64
2.9	'Pu kolloum'	66
2.10	Jenis-jenis garisan dalam 'kolloum'	69
2.11	Bulatan membentuk 'kolloum'	71
2.12	Motif binatang	71

2.13	Motif burung	74
2.14	Motif ikan	76
2.15	Motif bunga teratai	77
2.16	Motif flora dan tumbuh-tumbuhan	78
2.17	Corak menjalar dan tumbuhan	80
2.18	a. Simbol bertuah	81
2.19	b. Simbol bertuah	81
2.20	a. Motif tapak kaki	82
2.21	b. Motif tapak kaki	82
2.22	Falsafah dalam pembentukan 'kolloum'	88
2.23	Kaedah penggunaan silinder	92
2.24	Peralatan cap logam dan pelekat	93
2.25	Peralatan skrin stensil dan kapur	94
2.26	Peralatan polystyrene dan cat	95
3.1	Proses Pengumpulan Data	103
3.2	Teknik Pengumpulan Data	105
3.3	Kaedah dan teknik pengumpulan data dijalankan semasa lapangan	114
3.4	Lima Peringkat Analisis Data dan Interaksi Menggunakan Model Yin.K.R	116
4.1	Carta dapatan kajian	128
4.2	Motif bunga teratai	131
4.3	Motif bunga melur	132
4.4	Motif bunga raya	132
4.5	Motif bunga mawar	133
4.6	Motif bunga matahari	133
4.7	Motif geometri	134
4.8	Motif fauna	136
4.9	a. Motif tumbuhan menjalar dan daun	138
4.10	b. Motif tumbuhan menjalar dan daun	139
4.11	Motif simbol bertuah	140

4.12	Motif penggunaan sagu, kelapa yang berwarna-warni	150
4.13	Penggunaan <i>polystyrene</i>	150
4.14	Penggunaan cat	151
4.15	Penggunaan <i>roller</i>	151
4.16	'Kolloum' menjadi hiasan di rumah dan di kuil	153
4.17	Serbuk 'kolloum' dimakan oleh burung	154
4.18	Pemerhatian kanak-kanak	157
4.19	Bahan dalam penghasilan 'kolloum' tradisional	159
4.20	Peralatan dalam penghasilan 'kolloum' tradisional	159
4.21	Penggunaan bahan pewarna	160

SENARAI JADUAL

3.1	Soalan-soalan temu bual	109
3.2	Pengekodan data	112
3.3	Contoh Pengekodan data	113
4.1	Langkah-langkah Proses penyediaan bahan	142
4.2	Langkah-langkah Teknik Melukis 'Kolloum'	144

SENARAI LAMPIRAN

1.1	Transkripsi Temu bual	176
1.2	Transkripsi Temu bual	181
1.3	Transkripsi Temu bual	184
1.1	Nota Lapangan Pemerhatian	190
1.2	Nota Lapangan Pemerhatian	193
1.3	Nota Lapangan Pemerhatian	196
1.4	Nota Lapangan Pemerhatian	204
1.5	Nota Lapangan Pemerhatian	209
1.6	Nota Lapangan Pemerhatian	211

Absrtak

Seni melukis 'kolloum' tradisional boleh didefinisikan sebagai kerja seni yang melibatkan kemahiran tangan yang memerlukan daya cipta yang diwarisi turun-temurun oleh masyarakat India yang diilhamkan daripada alam semulajadi iaitu motif flora, fauna dan motif geometri yang sangat penting dalam mereka motif untuk melukis 'kolloum'. 'Kolloum' tradisional dianggap oleh masyarakat India sebagai simbol yang memberi tuah iaitu simbol menyambut 'Devi Lakshmi' yang bertanggungjawab memberi kekayaan dan kemakmuran serta sebagai satu tanda penghormatan kepada makhluk kecil tuhan datang untuk memakan kandungan tepung beras disamping menjadi satu bentuk senaman kepada kaum wanita pada waktu subuh. Penelitian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Teknik pengumpulan data melalui *participant observation* terutama menggunakan pemerhatian, temuduga dan kajian dokumen. Manakala analisis data menggunakan analisis deskriptif berdasarkan kerangka teori dibina didasari dengan teori budaya. Hasil kajian menunjukkan bahawa kesenian melukis 'kolloum' tradisional di kalangan masyarakat India adalah berteraskan kepada agama Hindu sudah menjadi nilai yang dipegang sehingga hari ini sebagai panduan hidup. Dalam mengekalkan tradisi dan identiti yang sedia ada, masyarakat India yang melukis 'kolloum' secara tradisional berdepan dengan saingan dari teknik melukis lebih dinamik dalam penghasilan 'kolloum' seperti penggunaan 'sticker', 'roller kolloum', 'polystyrene' dan cat yang mengikis nilai keaslian dan keunikkan 'kolloum'. Namun, melukis 'kolloum' tradisional lebih dikaitkan dengan aspek keritualan dan memiliki falsafahnya tersendiri serta mengekalkan identiti masyarakat India di Malaysia.

Abstract

The traditional art of 'kolloum' can be defined as an artwork that involves creative handicraft brought down through many generations of the Indian community to this day. This art is inspired by the natural surroundings of the fauna and flora as well as the geometric motive which is of utmost importance in the motive of those who are making this drawing. The traditional 'kolloum' is believed by the Indians as a lucky symbol celebrating the goddess of prosperity and wealth, Goddess Lakshmi, who's responsible for providing riches and fame and also as a mark of respect and representation for all the beings and creatures coming to consume the contents of the 'kolloum'. This is a form of recreational activity for the womenfolk at dawn. This activity uses qualitative approach. Technique data collection through participant observation especially use observation, interview and dokumen study. The analysis data used in drawing a 'kolloum' uses a descriptive analysis based on cultural theory. The result of the research has shown the art of 'kolloum' drawing in the Indian community is based on Hinduism. This value has been used as a guide in every day life till now. The traditional method of 'kolloum' drawing is now in modern times faced with the challenge of technological advancements in art. Modern interpretations have accommodated the use of chalk, roller 'kolloum', polystyrene, stickers and paint. This has perhaps inked out a portion of its originality and its uniqueness of the original form. However, the drawing of the 'kolloum' has always been identified with the ritualistic and philosophic aspect of its own to therefore strengthen the identity of the Indian community in Malaysia.

BAB 1

PENGENALAN

Kajian ini berfokus kepada isu seni 'kolloum' dalam konteks budaya yang lebih kearah perubahan sosio budaya masyarakat India di Malaysia ke atas pembentukan seni 'kolloum' yang semakin hilang ciri-ciri tradisinya. Bab ini dibahagian kepada tujuh bahagian kecil yang membincangkan tentang latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, fokus kajian, konsep-konsep teori kebudayaan dan diakhiri dengan kesimpulan.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Masyarakat India adalah kumpulan etnik terkecil antara tiga kumpulan etnik utama di negara ini, yang merangkumi 7 peratus populasi penduduk di Malaysia (Shamsul Amri Baharuddin,2007:72) . Menurut K.Anbalagan (2008), kaum India telah dibawa masuk ke Malaysia oleh penjajah British untuk menjayakan dasar-dasar ekonomi mereka, khususnya dalam industri getah. Mereka datang ke sini untuk mencari kehidupan yang lebih baik.

Kebanyakan orang India ini, beragama Hindu. Kedatangan mereka ke negara ini turut membawa budaya mereka yang unik (Sandrakantham,2011:41). Masyarakat India kaya dengan ciri -ciri kebudayaan mereka dan masih mengekalkan kebudayaan tersebut sehingga kini terutamanya dalam seni pembentukan 'kolloum'.

Salah satu daripadanya keunikan budaya masyarakat India adalah seni ekspresif lukisan 'kolloum'. 'Kolloum' adalah seni hias yang menggambarkan kebudayaan orang India yang kaya dengan kesenian dan falsafahnya (Gift Siromony (1978:2). Ia mencerminkan ciri-ciri kebudayaan masyarakat India di Malaysia. 'kolloum' adalah perkataan Tamil bermaksud lukisan lantai. 'Kolloum' dalam bahasa Tamil yang membawa maksud satu corak hiasan yang dilukis oleh kaum wanita India di depan rumah terutamanya berhampiran anjung dengan menggunakan tepung beras yang bercampur dengan air (Laine, 2009). Ia dibentuk menggunakan campuran air dengan tepung beras putih dan halus untuk melukis corak yang diinginkan; malah dianggap sebagai simbol bertuah dan objek keindahan. Ini disokong oleh Robinson.T (2006), yang menjelaskan bahawa , menghiasi mereka corak dengan 'kolloum' terbentuk dari tepung beras. Tepung beras telah digunakan sama ada dalam bentuk tepung atau dicampurkan dengan air. Kemudiannya warna-warna telah digunakan sebagai simbol keindahan.

'Kolloum' adalah seni ekspresif yang diagungkan oleh masyarakat India yang diwarisi dari tradisi lampau iaitu menggambarkan suasana indah dan ceria. Ini disokong oleh Kumar (2002);

"...Kolam is a part of Hindu tradition/culture created by great Rishis of the olden days, as an indoor Art activity for women. After a long tiring day and again the women waking up by dawn resuming household duties, the Rishis found that making 'Kolam' the spinal cord and arm bones are relaxed and at the same time relieves tension and stress, thus making a woman more pleasant and cheeful as though blessed by the Goddess Of Prosperity (Mahaletchumy)." (hlm.1)

Berdasarkan kepada pendapat di atas, menjelaskan bahawa mengikut tradisi masyarakat India, 'kolloum' dibuat pada setiap pagi di depan rumah sebagai simbol adat yang perlu diamalkan. Setiap perempuan perlu bangkit dari tempat tidurnya di pagi hari dan tugas pertama dia harus lakukan adalah untuk menyapu pintu masuk rumah yang bersih, memercikkan air untuk menekan debu dan menghiasi tempat dengan 'kolloum'. Aktiviti ini melibatkan pergerakan tangan, kaki dan badan yang selaras bagi menyempurnakan lukisan tersebut akan dapat menghilangkan tekanan. Malah hiasan 'kolloum' ini merupakan lambang penyembahan Dewi Lakshimi, dewi kekayaan yang dipercayai hanya akan mengunjungi rumah mereka yang mempunyai hiasan 'kolloum' di pintu masuk rumah. Pendapat Kumar (2002) disokong oleh N. Tadvalkar dalam kajiannya *History, Origin & Significance of Floor Art 2012*) menyatakan;

“... The most important place for the floor design is the front of the main entrance. On festive days it is also made in the verandah, the forecourt and the floors inside the house, especially in the kitchen and in front of the altar.”

'Kolloum' merupakan hiasan lantai yang dilukis di anjung rumah. Ia juga dilukis di beranda, ruang tamu, ruang masak dan di tempat sembahyang. Ini jelas menunjukkan bahawa lukisan 'kolloum' amat diberi keutamaan dalam menghiasi setiap sudut dalam rumah masyarakat India.

Serbuk 'kolloum' yang dipanggil dalam bahasa Tamil sebagai 'Kola Maavu' dihasilkan dengan campuran tepung beras dan air. 'Kolloum' merupakan satu hasil seni yang berupa pendidikan tidak formal yang diwarisi dari satu generasi ke generasi lain. Transformasi kemahiran yang diwarisi ini daripada ibu kepada anak perempuan ini merupakan satu warisan budaya masyarakat India yang unik dan tersendiri. Ini dinyatakan oleh Jones.C.C. (2002), anak perempuan akan mempelajari cara melukis 'kolloum' daripada ibunya dan ahli keluarga yang lain di rumah. Anak gadis memperoleh pengetahuan dan kemahiran melalui proses pemerhatian dan tunjuk ajar daripada ibunya. Daripada pernyataan Jones.C.C. jelas menunjukkan

bahawa melukis 'kolloum' ini diturunkan dari generasi ke generasi daripada ibu kepada anak perempuannya. Apabila seorang anak gadis sudah pandai berjalan, iaitu di antara umur empat dan lima tahun, si ibu akan mula mengajarnya untuk melukis 'kolloum'. Pada mulanya diajar 'kolloum' yang mudah dan semakin anak itu dewasa, akan diajar pula lukisan yang lebih sukar. Jadi, keseluruhannya sistem ini akan berputar dan bersilih ganti daripada generasi ke generasi berikutnya.

Menurut Jones.C.C (2002:7) pula, 'kolloum' merupakan satu lukisan menggunakan teknik percikan kreativiti tepung beras yang membentuk garisan bergelung- gelung dan melengkung, dilukis dengan satu pola yang mempunyai banyak titik serta dilukis berupa simbol dan geometri yang bersifat simetri. Ini jelas dinyatakan oleh Laine, A. (2009) yang mendefinisikan,

"... Kolams are symmetrical images that women draw in white lines at the entrances to their houses to invite the deities and thereby create auspiciousness and well-being for their families."

'Kolloum' adalah bentuk simetri yang dilukis oleh kaum wanita menggunakan garisan putih di pintu masuk untuk mengalu-alukan kedatangan Dewi dan memberi tuah kepada ahli keluarganya.

Ini jelas menunjukkan masyarakat India mempunyai nilai budaya yang tinggi kerana 'kolloum' mencerminkan nilai budaya tinggi yang dimiliki oleh masyarakat India. Kesenian 'kolloum' memenuhi keperluan budaya kerana masyarakat India percaya bahawa pembentukan 'Kolloum' di anjung rumah dan kuil akan mendapat tuah. Keyakinan kepada nilai agama menyebabkan pembentukan kesenian 'Kolloum' diwarisi dari satu generasi ke generasi lain (Timothy M. Waring,2012:83).

Menurut Timothy M. Waring (2012) menyatakan bahawa,

“... Each day the area outside a family home is swept clean and a mixture of mud and cow dung is spread in the arcas surrounding the buildings. A geometric design is then drawn in the earth with powdered rice flour. Apart from having great aesthetic merit, these designs have the added advantage of attracting crawling insects towards them and away from the entrance to the home.” (hlm.9)

Dalam kajian di atas menjelaskan bahawa, kaum wanita yang melukis ‘kolloum’ perlu melakukan beberapa peraturan sebelum melukis ‘kolloum’ iaitu menyapu pintu masuk rumah dengan bersih, memercikkan air untuk menekan debu. Selepas itu, merenjisikan *cow dung* dicampur dengan air di atas lantai yang telah dibersihkan. Setelah lantai kering, anjung rumah dihiasi dengan lakaran mereka corak ‘kolloum’ dari tepung beras putih untuk menarik perhatian serangga dan menghalang ia masuk ke rumah. Ini jelas dinyatakan oleh Chenulu. S. dalam jurnal bertajuk *Mathematics Teaching in the Middle School.*(April.2007) yang menyatakan;

“... Traditionally, every morning before sunrise, the ground in front of the house is cleaned with water and swept to give a smooth surface. The water may be mixed with a little cow dung, and the kolloum is drawn while the surface still damp.”

Dalam kajian di atas menjelaskan bahawa secara tradisi, setiap pagi sebelum matahari terbit, tanah di anjung atau depan rumah perlu disapu dan dibersihkan dengan air supaya permukaan lantai kelihatan licin. Sedikit tahi lembu dicampur dengan air perlu disapu atas lantai di depan rumah dan ‘kolloum’ akan dilukis semasa permukaan lantai masih lembab.

Ciri-ciri ‘kolloum’ merangkumi unsur-unsur seni dan perinsip rekaan. Unsur seni yang asas dalam pembentukan ‘kolloum’ adalah garisan. ‘Kolloum’ terhasil dari cantuman-cantuman satu siri titik-titik yang bersambungan dan membentuk garisan dan garisan boleh dianggap sebagai titik yang bergerak serta mudah lentur iaitu boleh digayakan mengikut gerak hati (Yukiitaka Ishimoto,2007 15). Pendapat Yukiitaka Ishimoto disokong oleh Robinson.T (2006), yang menyatakan bahawa reka corak ‘kolloum’ terhasil dengan mencantumkan setiap titik dengan garisan-garisan yang berliku-liku. Cantuman setiap titik dengan garisan secara tepat

memberikan pandangan yang unik kepada perhiasan 'kolloum'. Dengan demikian, memanglah kita tidak dapat menyangkal pendapat yang menyatakan bahawa titik adalah asas bagi lukisan 'kolloum'. Lukisan 'kolloum' didasari dengan titik-titik yang bersambungan dan setiap titik yang ada perlu disambungkan dengan satu garisan yang berliku-liku sehingga selesai menyempurnakan agar dapat menghasilkan 'kolloum' yang cantik.

'Pembentukan 'kolloum' menonjolkan prinsip-prinsip seni rekaan iaitu pergerakan danimbangan simetri. Kesenian 'kolloum' adalah berbentuk simetri jejari dan tidak memerlukan matriks titik permulaan. 'Kolloum' dibentuk dengan garisan berlingkar, berkontra, simetri dan garisan tunggal disambungkan dari sebutir titik ke titik lain (Timothy M. Waring,2012:83). Berdasarkan kepada pendapat Timothy M. Waring, 'kolloum' yang dilukis perlu mempunyai garisan yang bergelung-gelung, melengkung dan dilukis sekitar satu pola yang terdiri daripada grid titik-titik. Disamping itu, mereka corak 'kolloum' umumnya mempunyaiimbangan simetri.

Reka bentuk 'kolloum' merangkumi skop peraturan, kerumitan dan memupuk ketertiban kreativiti yang tinggi dikalangan suri rumah. Dari aspek peraturan, ia melibatkan beberapa peraturan yang berkaitan dengan tradisi ini. Seorang wanita yang ingin melukis 'kolloum' perlu bangun pada awal pagi; seeloknya sebelum terbit matahari. Dia seharusnya mandi dan membersihkan dirinya sendiri. Setelah itu dia akan menyudahkan upacara sembahyang dan kemudian membersihkan pula kawasan di mana 'kolloum' tersebut akan dilukis. Peraturan-peraturan yang perlu diikuti itu kemudiannya menjadi amalan harian.

Di samping itu, hiasan 'kolloum' juga dikaitkan dengan aspek kerumitan iaitu aktiviti ini melibatkan pergerakan tangan, kaki dan badan yang selaras bagi menyempurnakan lukisan tersebut. Malah teknik yang khusus perlu dikuasai supaya dapat menyiapkan 'kolloum' yang sukar disebabkan ia mengambil masa yang panjang. Oleh itu, seseorang wanita perlu

mempunyai kekuatan fizikal. Pada masa yang sama ia juga memupuk ketertarikan kreativiti yang tinggi disebabkan memerlukan tumpuan yang agak mendalam. Penumpuan minda terhadap kegiatan melukis 'kolloum' yang dilakukan adalah amat penting agar hiasan mereka corak 'kolloum' yang dihasilkan akan menarik.

Menurut Kumar (2002), 'kolloum' dianggap oleh masyarakat India sebagai simbol yang memberi tuah dan mereka percaya reka bentuk yang cantik merupakan satu simbol menyambut 'Devi Lakshmi' yang bertanggungjawab memberi kekayaan dan kemakmuran. Selain daripada itu, pembentukkan kesenian 'kolloum' dianggap sebagai satu tanda penghormatan kepada makhluk kecil tuhan seperti semut, serangga, ayam dan burung datang untuk memakan kandungan tepung beras disamping menjadi satu bentuk senaman kepada kaum wanita pada waktu subuh. Pendapat Kumar disokong dalam Kajian Jurnal Conservation (1997) yang menerangkan bahawa melukis 'kolloum' di atas lantai menggunakan campuran tepung beras dan air yang dinamakan 'kolloum'. Selain mencantikkan kawasan hadapan rumah dan mendapat keberkatan Dewi Lakshmi, maksud tersirat di sebalik tradisi ini adalah untuk memberi makan kepada serangga-serangga kecil seperti semut dan burung di mana secara tidak langsung menambah pahala si tuan rumah. Pendapat-pendapat di atas turut disokong oleh Joshi, D.K. (2013), menyatakan bahawa melukis 'kolloum' di anjung rumah akan mengindahkan kawasan rumah di samping mempunyai kepercayaan Dewi Lakshmi akan memberi kemakmuran kepada ahli keluarga serta mendapatkan pahala dengan memberi makanan kepada makhluk-makhluk kecil seperti semut, serangga dan burung.

Demikian juga pandangan Chenulu.S. dalam jurnal bertajuk *Mathematics Teaching in the Middle School* (2007) yang menyatakan ;

“... Although the kolam is the decoration, the rice powder it is drawn with also serves as a meal for ants and birds. In addition, kolam is a welcoming sign to all who enter the home, including, Lakshmi, the goddess of wealth and prosperity. The story goes that lines must be completed so as to prevent evil spirits from entering the shapes, thus preventing their entry into the home.”

Demikianlah walaupun ‘kolloum’ adalah reka corak hiasan, namun penggunaan tepung beras dalam mereka corak ‘kolloum’ akan menjadi hidangan untuk semut dan burung. Di samping itu, ‘kolloum’ juga dianggap sebagai satu simbol ramah kepada tetamu yang memasuki rumah, termasuk Dewi Lakshmi iaitu Dewi yang memberkati kekayaan dan kemakmuran. Menurut kepercayaan bahawa setiap pola garisan dalam ‘kolloum’ mesti dilukis dengan lengkap dan sempurna supaya dapat menghalang kuasa jahat daripada memasuki bentuk ‘kolloum’ dan seterusnya menghalang kemasukkan kuasa jahat ke dalam rumah.

Berdasarkan kepada pendapat-pendapat di atas jelas menunjukkan bahawa seni melukis ‘kolloum’ yang diamalkan oleh masyarakat India sememangnya menjadi pegangan dalam menjalankan proses kehidupan berlandaskan kepada ajaran agama Hindu. ‘Kolloum’ yang dilukis dengan pelbagai reka corak yang menarik menggunakan tepung beras merupakan pemandangan umum di luar pintu rumah masyarakat India yang beragama Hindu semasa menyambut perayaan-perayaan keagamaan, majlis perkahwinan dan sambutan hari jadi.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Matlamat pendidikan global adalah untuk mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang membenarkan seseorang individu melihat dunia sebagai sebuah komuniti di samping menghargai dan mengapresiasi tradisi budaya dan warisan bangsa (Iberahim Hassan dan

Roskang Jailani, 2004:3-4). Tradisi budaya di sini termasuklah pembentukan kesenian 'kolloum'. Tradisi pembentukan 'kolloum' bermula sejak 'Indus Valley Civilisation' (2500 B.C). Seni indah yang beribu-ribu tahun dahulu ini mencerminkan pernyataan ekspresif dan memiliki nilai estetika tersendiri dalam kebudayaan masyarakat India. Ia dibentuk dengan menggunakan motif- motif organik dan geometri.

Pembentukan rekaan 'kolloum' mempunyai kerumitan tertentu dan memerlukan ketelitian dan kesabaran untuk menyiapkan serta memakan masa yang panjang bergantung kepada saiz pembentukan 'kolloum' tersebut. Seni pembentukan 'kolloum' bergantung kepada kreativiti dan keasliannya dan latihan diperlukan untuk mereka corak 'kolloum' (Gonzalez, Moll, & Amanti, 2005:133).

Makna yang ada disebalik pembentukan 'kolloum' makin dipinggirkan disebabkan oleh era globalisasi yang menyingkirkan pengekal tradisi lama dalam sesuatu budaya. Ini dibuktikan menerusi Clifford (dalam Ronald W. Neperud, 1995.):

"... Ethnographers need to document how a culture is holding together and how it is being negotiated. He suggests that cultural aspects are sometimes lost, sometimes adapted, and that new cultural characteristics are invented."(hlm.175)

Oleh yang demikian sesuatu kebudayaan berkembang dan terus dicipta mengikut kesanggupan masyarakatnya. Kebudayaan adalah proses yang tidak pernah selesai, kerana cabaran akan sentiasa dihadapi menyebabkan berlakunya kesanggupan proses menolak budaya lama dengan menerima budaya baru tanpa kehilangan identiti asal masyarakat penerima. Malah A. Aziz Deraman (2001), turut menyatakan ada budaya yang dipadankan apabila berlaku pertembungan dengan pengaruh luar sama ada untuk mengisi kekosongan sebagai alternatif atau menokok kepada apa yang telah sedia ada.

Sehubungan dengan itu, boleh dikatakan bahawa kebudayaan sebagai suatu yang dinamik iaitu manusia itu sendiri membentuk budaya dan perkembangan budaya mengikut perkembangan masyarakat itu sendiri. Oleh itu, budaya bersifat tidak tetap iaitu boleh berubah. Justeru wujud pengelasan budaya tradisional dan budaya moden, ini menunjukkan budaya lama dan hari ini tidak sama, maka ia jelaslah boleh berubah.

Budaya sentiasa berubah dan tidak ada budaya yang wujud dari dahulu hingga sekarang tidak mengalami perubahan disebabkan kebudayaan bersifat dinamik. Penerimaan terhadap unsur baharu pula berlaku kerana anggota masyarakat bersedia untuk memasukkan idea-idea baharu yang membawa kebaikan kepada masyarakatnya. Penolakan atau penentangan terhadap perubahan asalnya didorong oleh sikap masyarakat yang ingin mempertahankan dan mengekalkan nilai-nilai dan cara hidup lama yang sedia ada. Ada juga penolakan berlaku disebabkan unsur yang masuk tidak sesuai dengan masyarakat berkenaan.

Justeru, seni pembentukan 'kolloum' banyak berlaku transformasi budaya yang melibatkan perubahan bentuk ritual keagamaan akibat daripada pengaruh luar. Ini dapat dilihat melalui dalam abad ini dapat dilihat melalui banyak bangsa yang mempunyai bentuk-bentuk ritual keagamaan yang sudah lama dipraktikkan telah dirasuki oleh semangat kebangsaan yang baru dengan penerapan melalui bendera-bendera, perayaan-perayaan yang menimbulkan gaya hidup yang baru dan pandangan yang baru tentang tujuan hidup bersama (F.W. Dillistone, 2002:117). Oleh yang demikian, bolehlah dikatakan ilmu pengetahuan yang berkembang membuat masyarakat melakukan inovasi untuk kesejahteraan hidup mereka.

Sheldon Smith dan Philip D.Young (1998:18) pula merangkumkan kebudayaan menjadi instrument utama untuk manusia melakukan penyesuaian sejak beribu tahun lalu. Penyesuaian dalam konteks ini membawa maksud kepelbagaian dalam tingkah laku manusia merupakan

usaha manusia untuk menyesuaikan diri terhadap keadaan tempat individu atau kelompok hidup. Jadi manusia menyesuaikan diri dengan alam melalui budaya yang sentiasa berubah mengikut perkembangan zaman.

Demikian juga pandangan John W. Bennet yang dipetik oleh Sheldon Smith dan Philip D.Young (1998:37) yang mengatakan komponen utama sesebuah kebudayaan ialah penerimaan atau penyesuaian. Justeru itu jugalah Yasraf Amir Piliang (2003:180) merumuskan bahawa kebudayaan adalah sesuatu proses, bukanlah suatu pengakhiran tetapi sesuatu yang selalu tumbuh dan berkembang . Tidak boleh dinafikan betapa unsur-unsur ilmu pengetahuan, teknologi dan ekonomi sememangnya berupaya mengubah kebudayaan asal sesebuah masyarakat seperti kata N. Tadvalkar dalam kajiannya *History, Origin & Significance of Floor Art* (2012) menyatakan bahawa;

“...The emergence of new cultures and thus change in the existing cultures is a reality. This cultural change is not cyclical but cursive since at every stage it adds something to the prevailing stage. In other words, at every stage a composite culture gets created. The struggle of mankind from nature to culture can also be interpreted as the one of salvation because the ultimate aim of mankind is to have balance of mind and body and attain the bliss of salvation. Culture change, which is a permanent factor of human civilization, goes on everywhere at all times. It may occur due to factors and forces spontaneously arising within the community- ‘independent evolution’ or it may be the result of the influence of different cultures.”

Dengan pandangan-pandangan sedemikian di atas, boleh dikatakan bahawa amalan kepercayaan tradisi mengalami perubahan kesan daripada perubahan sosial yang berlaku. Kepercayaan nenek moyang tidak lagi menjadi keutamaan. Kaedah diganti dengan teknologi dan peralatan moden serta canggih. Masyarakat dari semasa ke semasa berkembang dan berubah khususnya kesan kemasukan pengaruh baru dan semangat kebangsaan dari luar yang telah mengubah pandangan, pegangan dan kegiatan hidup seharian. Dahulu, amalan kepercayaan tradisi sentiasa menjadi panduan kehidupan seharian yang mengingatkan kehadiran semangat di alam spiritual dengan ritual-ritual yang khusus. Adat tradisi ini dikongsi bersama dan dijadikan panduan untuk

memperbaiki kehidupan. Unsur-unsur tradisi ini menjadi sebahagian daripada identiti sebagai masyarakat tradisi yang membentuk sebahagian daripada budaya serta lambang identiti mereka.

Katanya lagi;

“... A brief overview of the practice of rangoli in other countries provides the opportunity to consider how today globalization causes migration of culture across the set borders and how culture gets adapted to new cultural and geographic contexts.”

Kehidupan masyarakat secara tradisional yang diumpamakan dalam kapsul tidak dapat bertahan lama dan terdedah juga kepada unsur-unsur luar disebabkan faktor globalisasi. Kesemua proses perubahan dan evolusi ini hasil daripada pendedahan, penyerapan dan pemecahan budaya mengakibatkan wujudnya budaya baru. Budaya baru dibawa merebak ke dalam sistem kehidupan masyarakat tradisi sehingga menyebabkan berlakunya perubahan kepada struktur kehidupan yang beralih daripada tradisi kepada moden. Perubahan ini mengakibatkan mereka terpaksa menerima transisi kehidupan tersebut daripada budaya tradisi kepada budaya moden. Mereka terpaksa menyesuaikan sejajar dengan peredaran zaman lebih-lebih lagi kini dengan perkembangan dunia tanpa sempadan. Perubahan yang berlaku kesan daripada pelbagai pengaruh terutamanya pendidikan bercorak barat dan perkembangan baru dalam dunia teknologi telah mengubah corak pemikiran sesebuah masyarakat .

Proses perubahan budaya dalam kehidupan masyarakat tradisi merupakan sesuatu yang lumrah berlaku kepada semua bangsa di dunia. Budaya masyarakat India juga tidak terkecuali dari menghadapi adaptasi budaya moden. Pembentukan ‘kolloum’ daripada percikan tepung beras lebih terarah kepada stail moden. Kehidupan seharian menjadi teras kepada identiti pembentukan ‘kolloum’ zaman dahulu diabaikan masyarakat India yang mempunyai pemikiran moden. Menurut Gift Siromoney (1978);

“... About three-Fourths of the women were found to use the old patterns but there were others who designed new patterns. Apart from the tradisional styles, new patterns, including those taken from embroidery design books, were used. Some used coloured powder to fill in the designs. Some put in a message in English and call it “English Kolam.” (hlm 4)

Maknanya, tepung beras yang dicampurkan dengan air digunakan untuk melukis ‘kolloum’ di depan pintu rumah merupakan ‘kolloum’ tradisional. Selain itu, tepung beras yang dicampurkan dengan serbuk warna juga digunakan untuk menambah daya tarikan tambahan pada hiasan ‘kolloum’ tradisional. Namun, ‘kolloum’ tradisional telah berubah mengikut peredaran masa dan cita rasa masyarakat India sehingga membentuk pola dan reka corak baru. Malah, serbuk warna juga digunakan untuk menghiasi ‘kolloum’ serta menyampaikan mesej dalam bahasa Inggeris yang dipanggil “*English Kolam*”. Jika ia dibiarkan tanpa disemarakkan oleh generasi muda, pastinya lakaran ‘kolloum’ tradisional ini akan pupus sekali gus menghilangkan identiti serta keunikan budaya penganut Hindu.

Perubahan zaman tidak dapat dielakan lagi. Kemajuan ilmu pengetahuan, sains dan teknologi telah mempengaruhi kebudayaan, termasuk sosio budaya masyarakat India. Keaslian seni yang ada dalam pembentukan ‘kolloum’ juga telah ditelan oleh perubahan zaman. Amalan membuat ‘kolloum’ ini semakin berkurangan. Selaras dengan pandangan Gift Siromoney disokong oleh M.Rajenthiran dalam bukunya *Kepercayaan Orang India* (1997) yang menyatakan bahawa ada juga penganut agama Hindu yang menggunakan cat putih untuk melukis corak-corak ‘kolloum’ tetapi ia sudah menyeleweng daripada tujuan asalnya.

Kini, corak-corak ‘kolloum’ yang dibentuk dengan percikan serbuk tepung beras mula diambil alih oleh acuan yang berbentuk polysterin (molded design) dan corak-corak ‘kolloum’ yang dicetak pada plastik yang boleh dilekat pada lantai dan berbentuk ‘roller’ terdapat di pasaran serta menggunakan teknik digital untuk membuat ‘kolloum’. Implikasi daripada hal ini

telah dibayangkan oleh Chenulu. S. dalam jurnal bertajuk *Mathematics Teaching in the Middle School* (2007) yang menyatakan;

“...Modern kolam are sometime drawn with chalk and augmented with vinyl stickers, but this practice takes away from the art form and loses the psysical advantage of an artist bending and working at the patterns.”

Ini bukannya satu perkara yang luar biasa kerana semua kesenian tradisi di dunia berdepan dengan arus globalisasi yang mementingkan nilai pasaran yang secara langsung mengenetepikan makna asal seni tradisi. Kesenian ‘kolloum’ juga tidak ketinggalan dalam berdepan dengan arus pemodenan. ‘Kolloum’ moden dilukis dengan menggunakan kapur ditambah dengan plastik vinil (stickers) telah melenyapkan bentuk-bentuk asal kesenian ‘kolloum’ dan semakin hilangnya kelebihan wanita yang perlu membengkokkan badan untuk mereka corak ‘kolloum’.

Keaslian dari aspek bentuk, idea, fungsi dan media makin dipinggirkan disebabkan oleh masyarakat India kini gemar menggunakan acuan, dan teknik digital untuk membentuk ‘kolloum’ dibuktikan menerusi Gift Siromoney (1978) dalam jurnalnya *South Indian Kolam Patterns* (1978) ;

“... To save time in “drawing” the kolam, women use devices such as perforated rolling tubes and perforated trays.” (hlm5)

Mengulas tentang pandangan di atas, menjelaskan bahawa penggunaan pelbagai kaedah untuk melukis ‘kolloum’ seperti penggunaan ‘roller’ dan dulang berlubang boleh diertikan sebagai perubahan budaya masyarakat India dalam melukis ‘kolloum’ tradisional semakin dipinggirkan. Ini selari dengan perkembangan dunia teknologi yang dapat membantu masyarakat menjimatkan masa dan tenaga. Demikian juga pandangan Kramrisch.S. dalam bukunya *Exploring India's Sacred Art* (1983) yang mengatakan;

“...whole concept of making while you are praying is going away, often we see plastic rangoli decals (stickers) just stuck on doorsteps now. The hurried, mechanized life of the present has little time for such ritual and visual celebrations. The practice ... will not survive”